

Najib: Pendamaian kebangsaan hanya selepas Pakatan terima keputusan PRU
Malaysian Insider
June 26, 2013
Oleh Md Izwan

Pendamaian kebangsaan atau "national reconciliation" hanya akan dilaksanakan sekiranya Pakatan Rakyat (PR) menerima keputusan pilihan raya umum ke-13 (PRU1) baru-baru ini, kata Datuk Seri Najib Razak di Dewan Rakyat pagi ini.

Sejak keputusan pilihan raya pada 5 Mei lalu, Pakatan Rakyat (PR) secara terbuka menyatakan pendirian untuk tidak mengiktirafnya serta menuduh berlaku penipuan dan salah guna oleh kerajaan pemerintah sebagai punca kekalahan mereka.

"Kalau kita teruskan perkara ini (himpunan), sampai bila kita dapat mencari pendamaian kebangsaan... Jika mahukannya, terima keputusan," kata perdana menteri menjawab soalan ahli Parlimen Gelang Patah (DAP) Lim Kit Siang. - 26 Jun, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-perdamaian-kebangsaan-hanya-s-elepas-pakatan-terima-keputusan-pru/>